

No. Soalan:

No. 281 PR-1332-T68775

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]

SOALAN : Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
peruntukan bagi aktiviti ASEAN di Malaysia
tahun ini dan langkah untuk memastikan
kejayaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah menetapkan sejumlah RM120 juta bagi tujuan menjalankan aktiviti ASEAN sepanjang tahun 2015 bersempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia. Peruntukan ini merangkumi semua perbelanjaan berhubung penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 di Kuala Lumpur dan Langkawi pada April 2015, Sidang Kemuncak ASEAN ke-27, Sidang Kemuncak Asia Timur dan Pelancaran Komuniti ASEAN pada bulan November 2015, Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN di bulan Januari 2015 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-48 / Pasca Persidangan Menteri-Menteri ASEAN pada bulan Ogos 2015.

3. Peruntukan yang sama juga digunakan untuk tujuan pelbagai mesyuarat ASEAN di peringkat Pegawai Kanan, forum-forum dan bengkel-bengkel termasuk Sesi Latihan Pengurusan Bencana (ARF DIREx) di Kedah, Pulau Pinang dan Perlis yang melibatkan seramai 2,000 orang peserta dari 18 buah Negara ASEAN dan Negara Rakan Kerjasama.

4. Selain itu, aktiviti ASEAN turut diuruskan kepada pelaksanaan pelbagai program seranta yang akan menambahkan pemahaman semua lapisan masyarakat Malaysia terhadap kepentingan ASEAN termasuk kelebihan dan faedah yang bakal diperolehi oleh Negara-negara ASEAN daripada pembentukan Komuniti ASEAN.

5. Kejayaan dan keberkesanan aktiviti ASEAN dan Kepengerusian oleh Malaysia dipastikan, antaranya adalah melalui sudut logistik seperti mengutamakan keselamatan dan keselesaan tetamu asing semasa penganjuran Sidang-sidang Kemuncak ASEAN dan Mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan. Manakala dari sudut substantif, Malaysia sebagai pengerusi ASEAN akan memastikan usaha-usaha dan persediaan bagi pelancaran Komuniti-ASEAN disempurnakan sebelum akhir tahun 2015 termasuk memulakan rundingan mekanisme pelaksanaan Komuniti ASEAN pasca tahun 2015.

6. Kerajaan juga telah mengambil langkah proaktif terhadap isu-isu lain terutamanya inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh Malaysia. *Langkawi Declaration on Global Movement of Moderates* adalah satu contoh inisiatif Malaysia yang bertujuan mempromosikan keamanan berterusan khususnya di rantau ASEAN dan keamanan sejagat amnya.

Sekian, terima kasih.